

# Jerebu: IPU kini sederhana

Sinar 26/6/11 MS 20.

**SHAH ALAM** - Tahap kualiti udara di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya setakat jam 4 petang semalam, menunjukkan perubahan positif daripada Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat kepada bacaan sederhana.

Berdasarkan paparan laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS), terdapat perbezaan ketara bacaan IPU dari jam 12 tengah hari hingga jam 4 petang.

Bacaan IPU di lima daerah sebelum ini yang merekodkan bacaan tidak sihat bertukar kepada indeks sederhana. IPU di Pelabuhan Klang menurun kepada 89 daripada 102, Shah Alam (103 kepada 88) dan Cheras (102 kepada 87).

Sementara itu, Putrajaya menunjukkan penurunan mendadak daripada 107 kepada 85, Batu Muda (100 kepada 85) dan Banting (97 kepada 80).

Ketika ini, negeri yang turut berdepan jerebu adalah Johor,

Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Pencemaran jerebu yang merentas sempadan negara ketika ini berikutan musim Monsun Barat Daya di jangka berterusan sehingga September.

Lingkaran asap jerebu sederhana daripada kebakaran di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia dan tiupan angin dari arah barat daya membawa asap jerebu ke kawasan tengah pantai barat Semenanjung Malaysia.

## INFO

**Bacaan IPU:**

**5-50: baik**

**51-100: sederhana**

**101-200: tidak sihat**

**201-300: sangat tidak sihat**

**Melebihi 300: berbahaya**

**Status IPU boleh disemak dengan melayari portal <http://apims.doe.gov.my>.**

## INFO

## Maklumat empangan

EMPANGAN	TAKUNGAN (%)	HUJAN (mm)
BATU	90.62	0.00
KLANG GATES	77.89	0.00
LANGAT	68.01	0.00
SEMENYIH	86.18	0.00
SUNGAI Selangor	43.08	0.00
SG TINGGI	65.68	0.00
TASIK SUBANG	79.60	0.00

SUMBER: <http://iwrimsluas.gov.my/>